SAYA ❤ PULAU PINANG
#UntukNegeriKita™

MS 3 & 28

**Pusat Dialisis CAT ketiga demi rakyat**

MS 3



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 - 31 MAC, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Pentadbiran bersih, Kerajaan Negeri mampu laksana Program Emas tanpa kenakan cukai

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain bersama-sama para penerima sumbangan Program Warga Emas menunjukkan plakad 'Saya ❤ Pulau Pinang' sebagai tanda sokongan kepada kempen berkaitan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam baru-baru ini.**

**AIR ITAM -** Tiada sebarang cukai dikenakan pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang meskipun saban tahun pelbagai Program Emas dijalankan dan ini adalah bukti sebuah kerajaan yang bersih.

**Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada 2008, sejumlah RM412 juta telah dibelanjakan untuk program-program tersebut.**

**"Apabila kita (Kerajaan Negeri) edarkan (beri sumbangan) wang, kita tak ada kenakan sebarang cukai tambahan kepada rakyat.**

**"Bukan macam BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia), mereka (Persekutuan) kenakan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan).**

**"Mereka (Pusat) cakap hanya dengan GST baru mampu bayar BR1M.**

**"Ini tidak benar, di Pulau Pinang kita telah buktikan sekiranya kita adalah sebuah kerajaan yang bersih, kerajaan sememangnya mampu membuat pembayaran,"** ujarnya pada sidang media sejurus meramahi warga-warga emas yang hadir menerima sumbangan Program Penghargaan Warga Emas di perkarangan Maybank di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Menurut Guan Eng, pada sidang Parlimen yang berlangsung baru-baru ini, persoalan yang sama telah dibangkitkan beliau.

Jelas beliau, **ekoran beberapa subsidi yang telah dibatal serta dikurangkan, Persekutuan mampu jimat sehingga RM20 bilion tiap-tiap tahun.**

**"Saya telah tanya di Parlimen kerana subsidi minyak dibatalkan, (subsidi) gula dikurangkan dan begitu juga minyak masak.**

**"Mereka (Persekutuan) mampu jimat lebih RM20 bilion tiap-tiap tahun, tapi mengapa masih perlukan GST untuk bayar BR1M?**

**"Penjimatan ini sudah memadai dan seharusnya ia digunakan untuk bayar BR1M dan sebagainya,"** ujarnya yang juga ADUN Air Putih.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan, hasil pentadbiran kerajaan bersih, Pulau Pinang mampu berikan potongan cukai pintu kepada warga negeri tahun ini.

Sementara itu, pada majlis berasingan di Sungai Puyu, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini kira-kira sembilan tahun lalu pernah dituduh oleh pembangkang Pulau Pinang kononnya memberi wang hasil judi kepada warga emas yang layak.

Mengimbau kenangan selepas dilantik sebagai Ketua Menteri pada tanggal 11 Mac 2008, beliau melahirkan rasa gembira kerana langkah pentadbirannya kini turut diteladani Kerajaan Persekutuan melalui pemberian BR1M.

"Kita (Kerajaan Negeri) pun tidak faham bagaimana pemberian RM100 secara *'one off'* kepada warga emas ini digambarkan sebagai wang judi sedangkan kita tak pernah beri lesen judi, lesen judi hanya dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Dia (pembangkang) pula minta rakyat jangan angkat (terima) kerana ini wang judi, tapi 50,000 penerima ketika program ini diperkenalkan, sekarang sudah jadi 170,000 orang (warga emas), jelas menunjukkan propaganda mereka (pembangkang) gagal.

"Selepas kita (Kerajaan Negeri) melaksanakan pemberian RM100 ini kepada warga emas, Kerajaan Barisan Nasional (BN) Persekutuan pun memperkenalkan pemberian BR1M," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

*Rujuk juga muka 6.*

# Hayati Al-Quran, jangan majlis tilawah sekadar temasya tahunan, nasihat Mohd. Rashid

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELUK AIR TAWAR -** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Pulau Pinang Kali Ke-60 1438H/2017M, yang dilangsungkan di Masjid Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini baru-baru ini.

Ketika berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menasihatkan umat Islam di semua lapisan masyarakat supaya saling meningkatkan penghayatan Al-Quran, bukan sekadar meraikan temasya tahunan tersebut sahaja.

"Hayati maksud sebenar daripada bacaan Al-Quran, bukan sekadar membiarkan majlis tilawah ini berlalu sebagai pertandingan tahunan sahaja.

"Al-Quran bukan sahaja mengajar ketauhidan kepada Allah, tapi memberi teladan kepada umat Islam supaya saling mengukuhkan silaturahim sesama manusia yang pelbagai kaum di tanah air ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak sambil menzahirkan penghargaan kepada Tun Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff yang begitu komited dalam agenda memartabatkan Islam di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim pula membahaskan mengenai tema majlis tilawah Al-Quran pada tahun ini, iaitu *Al-Quran Rahmatun Lil 'Alamin*.

"Hendaklah kita menjadikan Al-Quran sebagai pedoman dalam hidup, rahmat ke seluruh alam.

"Bagi Kerajaan Negeri, ini adalah tahun ke-8 kita menganjurkan Sambutan Bulan Al-Quran sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan, dengan menganjurkan majlis tahsin Al-Quran dan begitu banyak program penghayatan Al-Quran," jelasnya yang juga ADUN Batu Maung.

Tambah Abdul Malik, majlis tilawah Al-Quran yang berlangsung adalah untuk mencari qari dan qariah bagi mewakili Negeri Pulau Pinang ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung di Melaka pada 1 April ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Mufti Negeri, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, Dato' Abdul Walid Abu Hassan dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Maktar Shapee antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man yang juga ADUN Permatang Pasir serta Ketua Pembangkang Pulau Pinang merangkap ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid.

Peserta akhir penganjuran ialah Mohd. Fadzil Ismail (johan menunggu); Nor Husna Mohammad Saleh (johan menunggu); Mazlan Wan Chik (wakil Zon Pulau); Dzafarul Idham Mohd. Fuzi (wakil Zon Tengah/Selatan); Hanif Azmir Has him (wakil Zon Tengah/Selatan); Sakinah Ahmad (Zon Pulau); Nur Shahirah Fatini Mohd. Shaharuddin (Zon Tengah/Selatan) dan Awatif Abdul Majid (Zon Tengah/Selatan).

Johan qari ialah Hanif Azmir, manakala Nur Shahirah Fatini (johan qariah).




DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan hadiah kemenangan kepada Hanif Azmir (dua dari kanan) pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Pulau Pinang Kali Ke-60 1438H/2017M di sini baru-baru ini.



NUR Shahirah Fatini sedang memperdengarkan bacaan ayat suci Al-Quran.




Oleh: **ME**

# Pusat Dialisis CAT ke-3, bukti rakyat Pulau Pinang sentiasa didahulukan

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1.1 juta lagi untuk membantu pesakit buah pinggang terpilih yang menerima rawatan berkala di Pusat Dialisis CAT MAA Medicare dekat Jalan Baru di sini, selama tiga tahun sehingga 2018.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif itu membolehkan para pesakit berwajib menikmati subsidi setinggi RM30 bagi setiap kali rawatan.

"Tema rakyat didahulukan bukan lagi retorik di Pulau Pinang apabila Program Subsidi Rawatan Dialisis ini diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri," jelasnya dalam Majlis Perasmian Pembukaan Pusat Dialisis CAT MAA Medicare dekat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta Pengerusi Yayasan Amal MAA Medicare, Y.M. Tunku Yaacob Khyra yang mengendalikan projek kebajikan pusat dialisis tersebut.

Menurut Guan Eng, sebelum ini, Kerajaan Negeri memberi subsidi sejumlah RM1.8 juta untuk saling bekerjasama menjayakan Program Subsidi Rawatan Dialisis di Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan *MAA Medicare Dialysis Center* dekat SPT.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, Pusat Dialisis CAT MAA Medicare menerima sejumlah RM1,121,160 peruntukan subsidi daripada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.



**KETUA Menteri meneliti mesin dialisis Pusat Dialisis CAT MAA Medicare sambil diperhatikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Y.M. Tunku Yaacob Khyra (tiga dari kiri) pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.**

## Pereka grafik muda juara cipta logo Saya ❤ Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pereka grafik muda, Soon Cai Ling, 23, tidak menyangka rekaan logo yang dihasilkannya dalam masa seminggu mendapat tempat pertama dalam Peraduan Mencipta Logo Saya ❤ Pulau Pinang yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Beliau yang kini bertugas sebagai pereka grafik di salah sebuah syarikat swasta di Pulau Pinang menerima hadiah berupa wang tunai RM2,000 berserta sijil penghargaan.

“Saya sangat teruja dan tidak menyangka rekaan saya dipilih sebagai juara peraduan, memandangkan ini merupakan kali pertama saya menyertai peraduan mencipta logo sebegini,” katanya kepada Buletin Mutiara selepas majlis penyampaian hadiah yang disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Menurut Cai Ling, beliau menerapkan unsur-unsur rekaan moden dalam logo Saya ❤ Pulau Pinang rekaannya termasuk menonjolkan simbol ikonik Pulau Pinang iaitu Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) dan Jambatan Pulau Pinang.

Tempat kedua dimenangi oleh peserta dari Perak Darul Ridzuan, Yip Haw Yee, 31, manakala Lee Yin Pin, 25, dari Selangor (ketiga) dan Heng Yi Min, 23, dari Pulau Pinang (saguhati).

Mereka masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,500 (tempat kedua), RM1,000 (tempat ketiga) dan RM500 (saguhati) serta sijil penghargaan.

Sementara itu, Kon Yeow ketika mengumumkan nama pemenang berkata, logo Saya ❤ Pulau Pinang yang dinobatkan sebagai juara akan diguna pakai bagi tujuan promosi dan publisiti sepanjang kempen berkaitan.

“Manakala bagi pemenang tempat kedua, logo yang dihasilkan akan diguna pakai bagi cetakan t-shirt, misalnya, dan bagi pemenang tempat ketiga, akan diguna pakai bagi pelekat seperti *bumper* dan cermin kereta serta sebagainya.

“Lain-lain rekaan logo yang dihasilkan,




**CHOW Kon Yeow menunjukkan logo rasmi "I ❤ Penang" pada sidang media di sini baru-baru ini.**

sekiranya bersesuaian, pihak penganjur berhak menggunakannya secara bersama atau berasingan bagi program-program lain anjuran Kerajaan Negeri,” jelasnya yang juga merupakan Pengerusi Kempen Saya ❤ Pulau Pinang.

Beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua peserta yang menyertai Peraduan Mencipta Logo Saya ❤ Pulau Pinang dan mengucapkan syabas kepada semua pemenang.

Kon Yeow, dalam pada itu mengumumkan keputusan Mesyuarat Exco untuk kekal menggunakan logo asal “I ❤ Penang” berserta *hashtag* #UntukNegeriKita bagi program-program rasmi negeri.

Sebanyak 188 penyertaan diterima dari pelbagai negeri dan kumpulan umur yang berbeza sepanjang tempoh dua minggu peraduan iaitu bermula 15 Februari sehingga 28 Februari lalu.

Semua penyertaan Peraduan Mencipta Logo Saya ❤ Pulau Pinang dinilai oleh barisan juri yang terdiri daripada Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, K. Vishanthini dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid.

## P. Pinang harap Pusat kekalkan subsidi rawatan dialisis demi rakyat

**AIR PUTIH -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mengekalkan pemberian subsidi rawatan dialisis kini bagi setiap rawatan demi rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian subsidi rawatan dialisis oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM50 bagi setiap rawatan pesakit mampu membantu rakyat, khususnya mereka yang memerlukan.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan terus memberi subsidi rawatan dialisis berjumlah RM30 bagi setiap rawatan kepada mereka yang memerlukan.

"Saya mahu dapatkan jaminan (Pusat) bahawa subsidi (rawatan dialisis) RM50 untuk setiap pesakit tidak akan ditarik balik atau dikurangkan...kalau mahu tambah lagi bagus, ataupun kekal, tapi jangan tarik balik subsidi.

"Sungguhpun keadaan ekonomi 'suram', Kerajaan Negeri tidak akan kurangkan perbelanjaan (menyediakan kemudahan) kesihatan, malah, kita (Kerajaan Negeri) mengembangkannya lagi.

"Hal ini terbukti apabila Kerajaan Negeri dengan kerjasama MAA baru-baru ini telah membuka satu lagi Pusat Dialisis MAA Medicare dekat Jalan Baru, Seberang Jaya dengan peruntukan RM1.1 juta," ujarnya pada sidang media sejurus meninjau proses pembayaran Program Penghargaan Warga Emas di sini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang.

Bercakap kepada pemberita, Guan Eng memberitahu, Pulau Pinang kini mempunyai tiga pusat dialisis iaitu di Balik Pulau, Daerah Barat Daya; di Masjid At-Taqwa Bertam, Seberang Perai Utara (SPU) dan yang terkini, di Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT).

"Bagi ketiga-tiga pusat dialisis ini, Kerajaan Negeri membelanjakan RM6 juta khusus bagi membantu pesakit buah pinggang di negeri ini," jelasnya.

Sehingga kini, sejumlah 40 mesin dialisis disediakan di tiga pusat dialisis, iaitu 11 mesin di Balik Pulau, Bertam (12) dan Seberang Jaya (17).

Guan Eng kemudiannya meluangkan masa kira-kira 30 minit beramah-mesra dengan penerima Program Penghargaan Warga Emas bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih.

Seramai 3,435 penerima berumur 60 tahun dan ke atas menerima sumbangan RM100 mulai 11 Mac lalu.

# Stesen bawah Bukit Bendera Fasa 3 jangka siap Ogos 2018



ILUSTRASI grafik kawasan ruang menunggu yang lebih luas. *(Gambar ihsan: Arkitek LLA Sdn. Bhd.).*



ILUSTRASI grafik stesen bawah Bukit Bendera yang siap dinaik taraf. *(Gambar ihsan: Arkitek LLA Sdn. Bhd.).*

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **PERBADANAN BUKIT BENDERA**

**BUKIT BENDERA** – Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM7.1 juta untuk menaik taraf stesen bawah Bukit Bendera sebagai keselesaan dan bagi menampung kemasukan pengunjung lokasi pelancongan terkemuka berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek menaik taraf stesen bawah fasa ketiga tersebut bakal menyaksikan peningkatan dan penambahan kemudahan sedia ada.

"Projek menaik taraf ini adalah penting memandangkan stesen (Bukit Bendera) ini telah menerima lebih 1.6 juta pelancong tahun lalu (2016).

"Maka, apabila selesai projek ini kelak, para pengunjung akan berasa lebih selesa dengan kawasan ruang menunggu yang lebih luas iaitu sebanyak empat kali ganda daripada keluasan kini.

"Turut tersenarai, penambahan kedai minuman dan makanan, ruang runcit, dewan serba guna, kawasan berjalan kaki berbumbung dan sebuah *Penang Science Cafe*," ujarnya pada sidang media sejurus Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf Stesen Bukit Bendera Fasa Tiga di sini 10 Mac lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai dan Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera, Cheok Lay Leng.

Bercirikan reka bentuk antarabangsa, kerja-kerja naik taraf akan mengambil masa selama 20 bulan iaitu dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2018.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, bagi kepentingan pengunjung, Kerajaan Negeri semenjak 2011 telah menjalankan dua fasa penaiktarafan.

"Pada Oktober 2012, sejumlah RM3.4 juta telah diperuntukkan untuk membina bumbung di stesen lebih rendah serta membina laluan pejalan kaki bertingkat di stesen atas, yang mana telah siap sepenuhnya pada Ogos 2013.

"Manakala, fasa kedua diteruskan pada April 2015.

"Projek bernilai RM7.7 juta itu merangkumi kerja-kerja menaik taraf dek pemerhati dan laluan pejalan kaki ikonik yang membolehkan pelawat menikmati panorama bandar George Town dan Seberang Perai dari ketinggian 750 meter dari aras laut," jelas beliau.

# Mural tertinggi, letak Pulau Pinang di peta dunia

Gambar : **THE TOP**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang bakal mencipta sejarah tersendiri apabila mural yang akan dihasilkan di Komtar Sky Art@The Top bakal tersenarai dalam *Guinness Book of World Records* bagi kategori mural tertinggi di dunia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media pengumuman tersebut berkata, inisiatif tersebut bukan sahaja usaha untuk memecahkan rekod dunia, malah bagi meletakkan Pulau Pinang di persada antarabangsa.

"Sudah tentu projek ini akan menjadi sesuatu yang istimewa selepas inisiatif (projek) membaik pulih Komtar bernilai RM200 juta.

"Selaku Kerajaan Negeri, semestinya kita (Kerajaan Negeri) dengan bangganya menyokong inisiatif ini, yang sudah pastinya akan meletakkan nama Pulau Pinang di peta dunia.

"Namun, apa yang lebih penting dari itu ialah mural tertinggi ini bakal menjadi simbol visual kekuatan intrinsik Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Pengasas merangkap Ketua Pengerusi Eksekutif Only World Group (OWG), Datuk Sri Richard Koh selaku peneraju projek.

Dengan kos pembangunan keseluruhan mencecah RM300,000 oleh OWG dan tajaan cat oleh Nippon Paint Malaysia bernilai RM30,000, projek mural tersebut dijangka mengambil masa enam bulan untuk disiapkan.

Berketinggian 230 meter dan 13.1 meter lebar, projek berkaitan bakal membolehkan lima artis tempatan yang terkenal dan berpengalaman melakarkan karya masing-masing, malah sebelum ini, mereka juga telah menghasilkan lukisan mural berskala besar di Shanghai, Singapura, Taiwan serta Filipina.



MURAL tertinggi di dunia di Komtar Sky Art@The Top yang dijangka mengambil masa enam bulan untuk disiapkan.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, projek tersebut akan mewujudkan panorama unik dan menarik, sekaligus merancakkan semula Komtar.

"Sebagai sebuah bangunan ikonik yang tertinggi di Pulau Pinang, Komtar sememangnya lokasi sesuai dijadikan sebuah kanvas khususnya bagi memaparkan keunikan negeri ini yang terkenal dengan budaya, seni dan kekayaan warisannya," ujar beliau.

# Naik taraf Jalan Bukit Kukus RM275 juta, siap Januari 2019

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI & MBPP**

**PAYA TERUBONG -** Projek pembinaan serta menaik taraf jalan berkembar Jalan Paya Terubong atau lebih dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus bernilai RM275 juta dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika melawat tapak pemajuan berkata, jalan raya baharu itu akan mengurangkan 20 peratus trafik sesak pada waktu puncak di sini, serta memberi manfaat kepada lebih 400,000 penduduk di bahagian pulau.

"Ini adalah projek terbesar MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang).

"Diharapkan bukan sahaja 20 peratus kesesakan trafik yang dihadapi oleh mereka yang tinggal di kawasan Paya Terubong, Balik Pulau dan Air Itam pada waktu puncak boleh dikurangkan selepas projek ini siap, malah dapat mengurangkan risiko kemalangan lalu lintas atau kenderaan berat yang melalui jalan berliku curam di antara Jalan Paya Terubong dan Relau," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail; ADUN Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri serta ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Bercakap pada sidang media sama, Patahiyah memberitahu, projek mega tersebut memakan masa kira-kira tiga tahun, mulai 15 Januari 2016 dan dijangka siap pada 14 Januari 2019.

Tambah beliau, kelebaran rizab jalan berkembar Jalan Paya Terubong adalah 20.117 kilometer (km), serta disediakan laluan basikal, dilengkapi lampu jalan jenis LED sepanjang jalan tersebut.

"Kemajuan kerja sebenarnya di tapak pemajuan pada masa sekarang adalah 33.6 peratus, iaitu menepati kemajuan yang dijadualkan," jelas Patahiyah.




**RANGKAIAN jalan berkembar Jalan Paya Terubong atau lebih dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus apabila siap kelak. *(Gambar ihsan: MBPP).***

Sebelum itu, Guan Eng bersama-sama barisan kepemimpinan Kerajaan Negeri melawat tapak projek penyambungan dan penarafan Jalan Zoo dari persimpangan Jalan Ayer Itam ke Jalan Kampung Pisang,

Projek MBPP itu bernilai kira-kira RM23 juta.

# Penarafan Jalan Zoo mampu kurangkan 15% sesak trafik

**AIR ITAM -** 15 peratus trafik sesak pada waktu puncak mampu dikurangkan selepas projek penyambungan dan penarafan Jalan Zoo dari persimpangan Jalan Air Itam ke Jalan Kampung Pisang di sini siap sepenuhnya pada Julai ini.

Ketika melawat tapak pemajuan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tersebut akan memberi manfaat kepada kira-kira 150,000 penduduk dari kawasan Air Itam, Paya Terubong, Air Putih dan Kebun Bunga yang menempuh kesesakan trafik di sini.

"Projek ini menelan belanja RM13.65 juta, tetapi bernilai kira-kira RM23 juta jika kita (Kerajaan Negeri) mengambil kira kos pengambilan balik tanah dan kos pembinaan jambatan sepanjang 30 meter (m) merentasi Sungai Ayer Itam, yang mahal ini.

"Seramai 150,000 penduduk akan mendapat manfaat daripada projek pembangunan MBPP ini....inilah '*multiplier effect*' (kesan berganda)," jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkaitan kepada pemberita baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail; ADUN Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri dan ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Patahiyah sebelum itu memberitahu, kerja-kerja pemajuan projek MBPP tersebut mengambil masa 18 bulan mulai 29 Disember 2015.

"Setakat ini, 78 peratus kerja-kerja kemajuan di tapak projek siap ikut sasaran, dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2017," jelasnya.



**KETUA Menteri, Patahiyah Ismail (empat dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan tapak projek penyambungan dan penarafan Jalan Zoo dan Jalan Bukit Kukus di sini baru-baru ini.**

# Wartakan Ulu Muda, selesai masalah - Jaseni

**GEORGE TOWN -** Isu pembalakan haram di sekitar Hutan Simpan Ulu Muda dekat Kedah mampu ditangani secara automatik, sekiranya Kerajaan Negeri Kedah segera mewartakan serta memulihara kawasan tadahan air terpenting tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memberitahu, langkah tersebut juga membolehkan Kerajaan Negeri Kedah menuntut pampasan atas 'premium hutan' yang dipelihara di kawasan tadahan terpenting di utara Semenanjung Malaysia tersebut.

"Pulau Pinang telah acap kali menyatakan bahawa ia akan menyokong tindakan Kedah untuk mewartakan Ulu Muda dan mendapatkan pampasan Persekutuan.

"Oleh sebab inisiatif ini juga akan memberi manfaat kepada Perlis, Kedah juga boleh mengharapkan sokongan daripada Perlis," jelasnya dalam satu kenyataan pada 14 Mac lalu di sini.

Jaseni memberi respons tersebut berdasarkan laporan kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah dalam portal berita atas talian Berita Harian Online pada 12 Mac lalu, yang menyebut, "Kerajaan Negeri Pulau Pinang cepat mengkritik tetapi tidak memberi apa-apa penyelesaian konkrit yang berkaitan dengan pembalakan haram yang dikatakan di Ulu Muda".

Menurut Jaseni, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebahagian dana untuk tujuan pemantauan dan memulihara Hutan Simpan Ulu Muda.

Jika pembalakan haram tidak dihentikan segera, menurut Jaseni, ia akan menjejaskan kawasan tadahan air itu untuk memerangkap air hujan ke Sungai Muda, yang merupakan sumber air utama bagi selatan Kedah dan Pulau Pinang.

"Hari ini (14 Mac), disebabkan paras Empangan Muda yang rendah, Empangan Beris pada kapasiti 74.8 peratus perlu digunakan bagi melepaskan air ke dalam Sungai Muda.

"Sebagai perbandingan, kapasiti efektif kedua-dua Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah 96.9 peratus pada 13 Mac 2017," jelasnya.

Tegas beliau, sumber air untuk semua hidupan adalah lebih penting dan utama berbanding hasil premis aktiviti pembalakan di Ulu Muda kepada Kerajaan Negeri Kedah.



IR. Jaseni Maidinsa.

## Jangan cakap pasal P. Pinang, jika pembangunan Pusat gagal di WP Labuan

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, negeri Pulau Pinang akan senasib Labuan di Sabah jika dijadikan wilayah persekutuan (WP) baharu kelak.

Katanya, Ahli Parlimen Kalabakan, Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghafur Salleh sendiri di Dewan Rakyat pada 13 Mac lalu antara lain mempersoal janji politik Kerajaan Pusat untuk memajukan Labuan selepas menjadi WP.

"Ahli Parlimen Umno sendiri, Abdul Ghafur mempersoalkan mengapa selepas sekian lama tidak ada sebarang pembangunan di Labuan, sungguhpun sebelum ini dijanjikan akan ada pembangunan.

"Sekiranya ini boleh berlaku di Sabah, maka jelas sekali apa yang mereka gagal buat, mereka akan terus gagal buat dekat Pulau Pinang.

"Saya rasa ini amat jelas mengapa rakyat Pulau Pinang tahu bahawa Barisan Nasional (BN) tak tunai janjinya," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turut merakamkan penghargaan kepada lebih 10,000 rakyat yang menyertai Larian Ria 'Saya ❤ Pulau Pinang' di Lebuh Pantai dekat tengah-tengah bandar raya George Town 12 Mac lalu.

Malah, beliau turut menyeru untuk menyertai penganjuran serupa yang bakal diadakan di Butterworth, 9 April ini.

*Rujuk juga muka 28.*




*Dari muka 1.*

## Pusat mampu hapus GST & terus bayar BR1M jika bersih, amal tender terbuka

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Pusat masih mampu menghapuskan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang dikenakan sejak April 2015 serta meneruskan pembayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sekiranya mengamalkan tadbir urus bersih dan tender terbuka.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada sidang media di sini baru-baru ini sebagai mengulas jawapan yang diterima beliau daripada Menteri Kewangan semasa persidangan di Parlimen semalam.

Dari jawapan yang diterima, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan mempersoalkan keperluan meneruskan GST, walhal Kerajaan Pusat dapat menjimatkan sehingga RM20 bilion setiap tahun hasil daripada pengurangan subsidi minyak, minyak masak dan gula.

"Mengapa dengan penjimatan lebih daripada RM20 bilion setahun ini, mengapa perlu lagi ada GST kerana dengan penjimatan RM20 bilion ini (Kerajaan Pusat) masih cukup untuk membayar BR1M dan segalanya.

"Beliau (Menteri Kewangan) menjelaskan bahawa Petronas telah kurang menyumbang sebanyak RM35 bilion kepada Kerajaan Pusat berbanding dahulu menyebabkan defisit RM15 bilion, sebab itu Barisan Nasional (BN) perlu adakan GST.

"(Dan) ini, saya tidak setuju, kerana sekiranya kita (Malaysia) mempunyai kerajaan yang bersih dan mengamalkan tender terbuka, kita dapat menjimatkan sehingga RM27 bilion setiap tahun," ujarnya.

Tambah Guan Eng, sekiranya Kerajaan Pusat menjalankan pentadbiran bersih dan tender terbuka, bukan sahaja defisit RM15 bilion dapat ditanggung, malah Kerajaan Pusat dapat menikmati keuntungan RM12 bilion setiap tahun.

"Perkara ini pernah dinyatakan dalam akhbar berbahasa Inggeris iaitu *The Star* lebih 10 tahun dahulu.

"Jadi memang ada asas dan bukti, Kerajaan Pusat mampu menghapuskan GST dan pada masa sama, tetap bayar BR1M sekiranya kita ada sebuah kerajaan bersih dan tender terbuka," tegas beliau.

# Tapak baharu sekolah kanak-kanak istimewa, impian terlaksana selepas lebih 20 tahun

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Tanah seluas 1.373 ekar dekat Relau yang Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sumbang untuk pembinaan bangunan baharu sekolah kanak-kanak terencat akal adalah bernilai kira-kira RM17.7 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu perkara tersebut kepada Presiden Persatuan Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang, Datuk Teh Cheng Lim dalam majlis pertemuan ringkas bersama-sama pemberita di sini baru-baru ini.

Pada majlis itu, Guan Eng menyerahkan geran tanah yang baharu ditukar dari status komersial kepada pihak Cheng Lim.

**"Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo yang juga ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) Datuk Keramat telahpun memberitahu Kerajaan Negeri mengenai hasrat ini, kerana sekolah khas untuk kanak-kanak terencat akal yang sedia ada di Datuk Keramat begitu sesak, dengan 85 kanak-kanak.**

**"Kerajaan Negeri sanggup menyumbang tanah yang begitu tinggi nilainya kerana sudah lebih 20 tahun persatuan ini menyimpan hasrat untuk membina sebuah bangunan baharu untuk kanak-kanak istimewa berkenaan,**" jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam di sini baru-baru ini.

Selain Jagdeep, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; ADUN Air Itam, Wong Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; Naib Presiden Presiden Persatuan Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang, Datuk Wong Siew Hai dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ideal Property (IDEAL), Datuk Alex Ooi selaku wakil pemaju projek usahasama sekolah tersebut turut hadir pada majlis ringkas itu.




**ILUSTRASI grafik menunjukkan bahagian dalam sekolah baru yang bakal dibangunkan. *(Gambar ihsan: IDEAL).***

Hadir sama, seorang pemimpin veteran MCA Pulau Pinang, Teh Beng Yeam yang juga wakil persatuan tersebut.

Bercakap kepada pemberita, Cheng Lim menzahirkan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri serta komitmen IDEAL dalam merealisasikan projek pembinaan sekolah tersebut.

"Kami berterima kasih kepada kedua-dua pihak, IDEAL dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana membantu kami untuk merealisasikan impian kami selepas kira-kira 20 tahun," jelas beliau.

Pada 16 Mei tahun lepas, Guan Eng bersama-sama Jagdeep mengumumkan hasrat menyumbang sebidang tanah untuk tujuan pembinaan projek itu, dengan IDEAL menawarkan diri sebagai kontraktor pemaju atas nama program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya.




**REKA bentuk bangunan Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal, Relau. *(Gambar ihsan: IDEAL).***

Menurut pelan pembangunan ketika itu, projek cadangan tersebut terdiri oleh bangunan dua tingkat dengan 22 bilik, dewan serba guna serta kantin, yang akan disiapkan dalam tempoh kira-kira setahun.

Ketika itu, **Beng Yeam memuji pentadbiran Guan Eng kerana memberi surat milik tanah berkenaan untuk kegunaan persatuan.**

**"Persatuan kami amat menghargai dan mengucapkan terima kasih dengan memberi sanjungan kerana Tuan Lim Guan Eng (Guan Eng) merupakan ahli politik yang memahami dan menghayati maksud sebenar dalam kebajikan masyarakat.**

**"Disebabkan usaha sebegitu, Tuan Lim Guan Eng (Guan Eng) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang seharusnya diberikan penghormatan secara tinggi,**" ujarnya pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini, ketika itu.

---

## Penantian 23 tahun berakhir, Pangsapuri Century berseri semula

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU UBAN -** Penantian penduduk selama 23 tahun untuk melihat kediaman mereka berseri semula kini berakhir apabila Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengecat semula Blok 38, Pangsapuri Century di sini.

Kerja-kerja mengecat semula blok bangunan sembilan tingkat itu dijangka siap sepenuhnya pada 30 April ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM153,600.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika hadir pada perasmian mula kerja pengecatan semula inisiatif berkaitan berkata, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku pengurus projek melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR), meskipun blok bangunan berkaitan milikan swasta.



**RUPA bentuk Pangsapuri Century kini.**

**"Sejak dibina pada tahun 1993, bangunan Pangsapuri Century ini tidak pernah dicat semula sehinggakan ia nampak usang dan tidak cantik.**

**"Berbanding Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini yang prihatin terhadap keperluan dan masalah rakyat, tampil merealisasikan impian penduduk yang menunggu lebih 23 tahun untuk memberi 'nafas' baru kepada penghuni di 143 unit kediaman di sini.**

**"Meskipun dibina oleh pihak swasta, Kerajaan Negeri tetap menghulurkan bantuan dana... mencerminkan kita (Kerajaan Negeri) jaga kepentingan rakyat dan membantu rakyat menyelesaikan masalah seberapa yang boleh,**" ucapnya pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Century, K. Sangar.

Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar turut hadir pada perasmian mula kerja itu.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, kerja-kerja pengecatan semula tersebut telah ditawarkan kepada syarikat Intrusa Global Enterprise melalui panggilan tender terbuka oleh PDC dan kerja-kerja awal telah dimulakan sejak 1 Mac lalu.



**(Barisan depan, dari kiri), K. Sangar, Mohd. Rashid Hasnon, Ketua Menteri, Sim Tze Tzin dan Rosli Jaafar menyempurnakan gimik mula kerja pengecatan semula Blok 38, Pangsapuri Century di sini baru-baru ini.**

"Kejayaan melaksanakan kerja-kerja mengecat semula ini tidak akan berjaya sekiranya tidak wujud hubungan dan kerjasama erat antara penduduk dengan Kerajaan Negeri.

"Sebab itu, 80 peratus kos pengecatan semula ini disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan 20 peratus lagi melalui Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Century sendiri.

"Saya yakin, selepas kerja-kerja pengecatan semula ini siap kelak, bukan sahaja Blok 38 berwajah baru, lebih cantik, malah ia juga akan menambah nilai hartanah Pangsapuri Century," ujarnya yang turut meluangkan masa meninjau kawasan sekitar dekat sini.

Difahamkan, projek pengecatan semula tersebut dilaksanakan melalui perkongsian dana iaitu RM70,600 daripada peruntukan Ketua Menteri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan (RM20,000), masing-masing daripada Mohd. Rashid dan Tze Tzin (RM16,500), manakala baki 19.5 peratus atau RM30,000 melalui Perbadanan Pengurusan Taman Century.

# P. Pinang gesa Pusat kenalkan semula DIBS, longgarkan syarat pinjaman rumah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Pusat harus pertimbangkan cadangan Pulau Pinang untuk memperkenalkan semula Skim Pemaju Tanggung Faedah atau *Developer Interest Bearing Scheme*, DIBS bagi rumah berharga di bawah RM300,000.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pada masa sama, Kerajaan Pusat juga digesa supaya melonggarkan syarat-syarat pinjaman perumahan bank-bank komersial bagi membolehkan golongan B40 iaitu mereka yang berpendapatan isi rumah sehingga RM3,855 atau 40 peratus daripada populasi tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah, memiliki rumah.

**Guan Eng berkata demikian apabila ada unit-unit perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah di negeri ini tidak dapat dijual kerana pembeli tidak boleh mendapatkan pinjaman perumahan.**

"**Saya percaya kadar penolakan pinjaman oleh bank-bank komersial bukan sahaja di Pulau Pinang, malah seluruh Malaysia mencecah antara 60 hingga 70 peratus walaupun bagi rumah kos rendah berharga RM42,000.**

**"Bank Negara perlu mempertimbangkan semula syarat-syarat pinjaman perumahan khususnya bagi pembeli rumah pertama di bawah harga RM300,000.**

**"Sama ada Kerajaan Persekutuan memperkenalkan semula DIBS bagi rumah di bawah harga RM300,000 atau Bank Negara perlu melonggarkan syarat-syarat pinjaman bagi membolehkan golongan B40 membeli unit-unit kos rendah**," ucapnya pada Persidangan Antarabangsa Harta Tanah Pulau Pinang (PIP) 2017 di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah memberitahu, isu utama yang berlegar-legar dalam pasaran harta tanah adalah ketidakupayaan pembeli rumah kos rendah mendapatkan pinjaman.

"**Syarat-syarat yang dikenakan oleh Bank Negara terlalu ketat dan menyukarkan golongan B40 mendapatkan pinjaman perumahan walaupun kita (Kerajaan Negeri) menurunkan harga sehingga 30 peratus bagi rumah kos rendah RM42,000...itupun tidak terjual**," ujarnya yang mahu Kerajaan Pusat menilai semula pasaran harta tanah kini.

Jelasnya, cadangan Kerajaan Pusat untuk menaikkan harga harta tanah kos rendah dan kos sederhana seluruh negara adalah tidak munasabah selagi Bank Negara tidak melonggarkan syarat pinjaman dan DIBS yang dimansuhkan di bawah Bajet 2014 diperkenalkan semula.

Dalam pada itu, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa masih terdapat unit-unit kos rendah yang tidak terjual di Pulau Pinang.

"Saya tidak mempunyai jumlah angka yang tepat, tetapi bilangan rumah kos rendah yang tidak terjual cukup banyak, misalnya di Seberang Perai Selatan (SPS), ada satu projek perumahan kos rendah, lebih daripada 50 peratus unit yang ditawarkan tidak terjual.

"(Dan) seperti Ketua Menteri cakapkan, sekiranya kadar penolakan pinjaman perumahan rendah, rumah-rumah kos rendah ini akan berpenghuni," jelasnya yang turut membentangkan isu semasa, cabaran dan prospek harta tanah mampu milik di Pulau Pinang.

PIP 2017 merupakan persidangan tahunan yang diadakan sejak tahun 2015 bagi membolehkan Kerajaan Negeri, para pemaju dan *stakeholder* membincangkan isu-isu membabitkan perumahan dan pasaran harta tanah di Pulau Pinang.






# Sumbangan harap rencana pembangunan akar umbi bola sepak negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri melalui Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy masing-masing menyumbangkan RM5,000 kepada Liga Akademi Bola Sepak Pulau Pinang (LABPP) dalam merencana pembangunan akar umbi sukan tersebut.

LABPP pada majlis penyampaian tersebut turut menerima sumbangan RM5,000 dari Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).

Mohd. Rashid ketika berucap menyatakan harapan agar LABPP menjadi penjana pemain-pemain masa depan bagi arena sukan bola sepak Pulau Pinang.

"Diharap bola sepak di Pulau Pinang pada masa hadapan mampu menjadi masyhur setanding sukan badminton," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada LABPP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden LABPP, Yusri Abd. Hamid dan Naib Presiden FAP, Mohd. Azizudin Mohd. Shariff.

Ramasamy dalam pada itu turut melahirkan harapan agar kegemilangan bola sepak Pulau Pinang dapat dikembalikan sebagaimana zaman 1970-an.

"Pada era tersebut, kita tidak terlalu bergantung kepada tenaga pemain import dalam memperkuatkan pasukan," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Yusri, LABPP ditubuhkan pada 2015 untk mencungkil bakat dari akar umbi hingga peringkat remaja bagi sukan bola sepak.

"LABPP yang disertai tujuh persatuan bola sepak dan 700 pemain terdiri daripada pelbagai kaum serta peringkat usia berfungsi sebagai medan melahirkan pemain-pemain profesional masa hadapan.

"Kami meletakkan standard yang tinggi dalam soal latihan, kejurulatihan bagi memastikan pemain remaja dan kanak-kanak ini mendapat pendedahan yang betul serta berkesan," jelasnya.




**MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berkot perang) dan Prof. Dr. P. Ramasamy (tengah, bertali leher merah) bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil penerima dan barisan pemain muda pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada LABPP di sini baru-baru ini.**




**Hakmilik Kekal**

# PEARL 28

Rumah Link Berkembar 2 Tingkat
Keluasan Tanah : 2788kp (min) - 3100kp (max)
Keluasan Binaan : 2846kp (min) - 2846kp (max)
Harga Jualan : RM728,000 (min) - RM764,000 (max)
Bilangan Unit : 28

**5% Diskaun Untuk Bumiputera**

**PALMINGTON SDN BHD** (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

No. Lesen Pemaju : 11882-8/05-2018/0343 (L) Tempoh Sah : 17/05/2016 -16/05/2018
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-8/05-2018/0343 (P) Tempoh Sah : 17/05/2016-16/05/2018
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/ 20-75/48
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap : Mac 2019
Bebanan Tanah : Tiada
Bilangan Unit : Rumah Link Berkembar 2 Tingkat- 28 Unit
Sekatan Kepentingan : Tiada

# PIP, dialog khas agar keperluan OKU tidak terabai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Demi meningkatkan mutu penyampaian dan kecekapan sistem pengangkutan awam di negeri ini, Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PIP) iaitu pelan pengangkutan yang bersepadu dan menyeluruh.

Di samping mewujudkan rangkaian sistem pengangkutan yang efisien, PIP turut merangkumi aspek penyediaan perkhidmatan mesra pengguna.

Menyedari hakikat itu, Pengerusi Kumpulan Tindakan Aksesibiliti Pulau Pinang (PAAG), Yap Soo Huey mengadakan sesi dialog khas dan pembentangan PIP dengan mensasarkan kumpulan orang kurang upaya (OKU) bagi memastikan keperluan dan kehendak golongan tersebut tidak diabaikan.

"Tidak dinafikan sebelum ini, keperluan golongan OKU kurang diberi perhatian, walhal, mereka (golongan OKU) juga adalah manusia yang berhak menikmati apa yang dinikmati orang lain.

"Oleh sebab itu, hari ini (6 Mac) kita mengadakan sesi dialog khas dengan melibatkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan individu OKU seluruh Pulau Pinang.

"(Dan) hari ini, kita dengar suara-suara dan pandangan yang diutarakan oleh mereka (golongan OKU)...semestinya Kerajaan Negeri akan mengambil maklum serta memastikan pelaksanaan PIP dioptimumkan sebagai mungkin dengan mengambil kira keperluan golongan OKU," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus.

Bercakap kepada pemberita, Soo Huey memberitahu, salah satu kebimbangan yang disuarakan oleh OKU adalah keupayaan golongan terbabit mengakses kemudahan-kemudahan asas seperti hospital, bank, pejabat pos dan pejabat kerajaan.

"Bukan sahaja PAAG, malah Kerajaan Negeri turut komited bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan perancangan pembangunan seperti PIP ini mengambil kira pandangan daripada semua peringkat termasuk golongan kurang upaya," ujarnya pada sidang media sejurus sesi pembentangan oleh Pengurus Binaan SRS Consortium Sdn. Bhd., Julian Yeap di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.




YAP Soo Huey (kiri sekali) menjelaskan maklumat mengenai PIP kepada dua peserta dialog khas berhubung projek berkaitan di sini baru-baru ini. Turut serta, Julian Yeap (dua dari kiri).

Dalam pada itu, ahli PAAG yang juga Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dr. Tiun Ling Ta berkata, adalah mustahak bagi memastikan semua infrastruktur yang bakal dibangunkan di bawah PIP adalah mesra OKU.

Penjamin 2 : NORDIN BIN ABDULLAH - 64060902****
29 LORONG ALMA JAYA 24,
TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 10717
Peminjam : NUR ZULAIKHA BINTI OTHMAN - 88080507****
NO. 23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI
10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : OTHMAN BIN MOHD YUSUF - RF99***
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI,
10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAHANI BINTI HAJI SAMSUDIN - 52032507****
NO. 7 JALAN PISANG RASTALLI, KAMPUNG MELAYU, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 10718
Peminjam : MUHAMAD FITHRI BIN OTHMAN - 87052507****
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI
10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN ROSLINA BINTI WAN RAMLI - 81060407****
NO. 65 LORONG 16/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : ROHANI BINTI PAKWANCHEE - 74052007****
87 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG
10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 10720
Peminjam : IMAADUDDIN BIN ABDUL HALIM - 86012007****
NO.1589 KAMPUNG BANGGOL
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NORAINI BINTI AHMAD - 61021107****
1589 KAMPUNG BANGGOL 13220
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : ABDUL HALIM BIN ABDUL HAMID - 55102807****
1589 KAMPUNG BANGGOL 13220
KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10730
Peminjam : LIM HOOI MEI - 86082435****
NO.7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LIM HOOI LING - 81100707****
7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEOH KAH KHIANG - 81061102****
NO. 7 LORONG BUKIT KECIL INDAH 2,
TAMAN BUKIT KECIL INDAH
14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 10734
Peminjam : AZRAWATI BINTI ARSHAD - 78031507****
NO. 45, JALAN SAMUDERA 10/5, SEKSYEN 10,
LAGUNA PARK 42920 PULAU INDAH,
SELANGOR
Penjamin 1 : NURUL DIYANA BINTI ABD RAZAK - 81072701****
NO. 57 JALAN KJ 39, TAMAN KRUBONG JAYA
75260 MELAKA
Penjamin 2 : DZULIKHWAN BIN AHMAD MOKHTAR - 74092910****
59 JALAN 43, PORT GARDEN 42000 PELABUHAN KLANG , SELANGOR

No Akaun : 10735
Peminjam : NORSIAH BINTI MOHAMED - 65030107****
BLOK AKF 13-1 PERUMAHAN KASTAM,
BUKIT GELUGOR, GELUGOR
11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD HASSAN BIN MD ISA - 65062202****
755 JALAN KOBIS 3, TAMAN KOBIS 3,
LUNAS, 09600 KEDAH
Penjamin 2 : SHOFI BIN MOHAMAD - 57092807****
3491 LORONG SELASIH 2F 4 ,
TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10748
Peminjam : MUHAMMAD NABIL FIKRI BIN BAHARUL AKMAR - 89041507****
24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU,
MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BAHARUL AKMAR BIN OMAR - 54011007****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU,
MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : RUSLINAWATI BINTI IBRAHIM - 63022402****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU,
MACHANG BUBUK 14020 BUKUT MERTAJAM

No Akaun : 10749
Peminjam : HO CHOON KOOK - 64121307****
NO.804 TAMAN INDAH
09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 1 : HO CHOON FAH - 67011107****
804 TAMAN INDAH,
09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : NG YEW HUNG - 61082307****
804 TAMAN INDAH,
09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 10751
Peminjam : BALQHIS BINTI KARIM - 88040406****
NO. 955 MUKIM 11, SUNGAI BATU,
TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS
11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALINA BINTI HASSAN - 64122607****
NO. 18 LORONG SERI GENTING 2,
TAMAN PONDOK UPEH, BALIK PULAU
11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL SHAH BIN A ABDUL RAZAK - 60072107****
769 MUKIM 2, TELUK BAHANG
11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10753
Peminjam : GOH THEE SIANG - 86080435****
8-3-7 PERSIARAN MAYANG PASIR 5,
BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS
11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH EU ENG - 56031407****
16-1-7 PESIARAN MAYANG PASIR 5,
11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH THEE YONG - 80120607****
6-1-4 PESIARAN MAYANG PASIR 5,
11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 10768
Peminjam : SYAZWANI BT RIZUAN - 87021107****
76 -J JALAN PERAK
10150 GEORGE TOWN,
PULAU PINANG
Penjamin 1 : RIZUAN BIN JAAFAR - 60062202****
76-J JALAN PERAK, (KUARTERS GURU)
SEK FRANCIS LIGHT
10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD FAWZI BIN OTHMAN - 59020307****
2321 JALAN ISMAIL NAGORE,
11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10765
Peminjam : MUHAMMAD LOKMAN HAKIM B MUHAMMAD HAMBALI - 87051738****
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KG. PINANG SEBERANG
34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108***
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KG. PINANG SEBERANG
34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077***
445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10770
Peminjam : SHAHIDAN BIN ZAINI - 87082707****
4-01- A LORONG DESA SENA 5, TAMAN DESA SENA
13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : ZAINI BIN BIDIN - 61021008****
2333 PERMATANG BERANGAN,
13300 TASEK GELUGOR, SPU,
Penjamin 2 : MUHAMAD BIN SALLEH - 59092002****
NO. 467 LORONG 11, TAMAN NILAM, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

# Pertumbuhan pelaburan global dalam perkhidmatan, Pulau Pinang kedua tertinggi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang di kedudukan kedua tertinggi dalam aspek pertumbuhan pelaburan global dalam perkhidmatan selepas Kuala Lumpur, lapor Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam suatu laporan prestasi negara 2016 baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sambil mengalu-alukan penganjuran *Crowd Economy Conference* secara kolaborasi antara Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan agensi negeri, *investPenang* (iP).

"Kemajuan berterusan dan pesat dalam teknologi digital telah membolehkan perniagaan dan syarikat menjadi inovatif serta mewujudkan model perniagaan dengan kaedah yang baharu.

"Dengan ketersambungan dengan internet, semua kita bukan sahaja terdiri oleh warganegara, bahkan, menjadi sebahagian daripada netizen yang semestinya memahami maksud ekonomi untuk semua.

"Sifat utama *crowd economy* (ekonomi kolektif) termasuk keperluan urusan pengantaran yang cepat dan berkesan... yang membolehkan sesuatu itu diakses langsung kepada semua," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam ketika menyampaikan ucaptama dalam persidangan tersebut di sini.

Guan Eng dalam pada itu turut memuji strategi pemasaran atas talian internet yang dilaksanakan oleh *Amazon.com*, *Lazada* dan *Mudah.com* yang dianggap berjaya memanfaatkan *crowd economy*.

Menurutnya, *crowd economy*, iaitu usahasama pemasaran secara kolektif terbaru dengan mengajak netizen umum untuk menangani cabaran pemasaran di peringkat global yang dihadapi oleh seorang individu mahupun organisasi.

Ketua Pegawai Operasi MDEC, Datuk Ng Wan Peng turut berucap persidangan tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun; Pengurus Besar iP, Loo Lee Lian; Pengarah MIDA Pulau Pinang, Azhana Salleh dan Pengarah Crowdsourcing Initiatives, Darzy Norhalim.




KETUA Menteri ketika menyampaikan ucapan pada penganjuran *Crowd Economy Conference* di sini baru-baru ini.




PROGRAM-program Emas Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang. Daftarlah sekarang!

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Kitar semula perlu bermula pada peringkat akar umbi



MOHAMED Akbar Mustapha (berkemeja putih), barisan penganjur dan Ahli-ahli Majlis MBPP bergambar kenangan dengan wakil-wakil sekolah serta pelajar yang hadir pada Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula F&N dan MBPP 2017 di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Amalan murni kitar semula barangan terpakai boleh membantu membentuk peribadi dan sahsiah terpuji dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Akbar Mustapha berkata, sikap tersebut seharusnya dimulakan pada peringkat akar umbi dan dipupuk sejak kecil.

"Seperti di negara-negara maju, perkara berhubung pengurusan alam sekitar dan sisa pepejal merupakan antara sukatan pelajaran yang diterapkan kepada para pelajar pada peringkat rendah lagi.

"Penganjuran kempen ini saban tahun secara tidak langsungnya akan menghidupkan amalan 5R iaitu *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *rethink* (fikir sebelum buang) dan *reinvent* (reka cipta)," ujarnya pada Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula F&N dan MBPP 2017 di sini pada 27 Februari lalu.

Hadir sama, Pengurus Hal Ehwal Korporat Fraser & Neave Holdings Berhad (F&N), Cariessa Goh selaku penganjur dan Pengarah Alam Sekitar Tetra Pak Malaysia (Tetra Pak), Singapura dan Filipina, Terrynz Tan.

Kempen yang kini memasuki tahun keenam penganjurannya adalah hasil inisiatif bersama MBPP dan F&N dan turut disokong oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) serta Tetra Pak.

Berucap pada majlis sama, Cariessa menyatakan bahawa penganjuran tahun 2016 mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu 99 sekolah.

"Penyertaan terbesar tersebut sekaligus telah memecahkan rekod kutipan bahan kitar semula sejumlah 127,193.71 kilogram (kg).

"Dalam usaha untuk mengurang dan menggalakkan amalan kitar semula, unsur keseronokan jarang sekali diterapkan.

"Tetapi, senario ini berubah apabila setiap kali kempen ini dijalankan, kita (F&N dan MBPP) sentiasa mencara idea kreatif dan menyeronokan bagi menarik penyertaan generasi muda," jelasnya.



# Exco jangka 60 peratus wanita di P. Pinang bekerja menjelang 2020

**BERTAM -** Majlis Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini dirasmikan sendiri oleh Toh Puan Majimor Shariff, isteri kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT).

Bercakap kepada pemberita, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menjangkakan lebih 60 peratus wanita di negeri ini akan bekerja serta terlibat dalam membangunkan ekonomi keluarga bersama-sama suami pada tahun 2020 nanti.

"Di Pulau Pinang ketika ini kira-kira 57 peratus wanita bekerja, lebih tinggi berbanding peratusan di peringkat kebangsaan, iaitu kira-kira 53 peratus hingga 54 peratus.

"Justeru, kita menjangkakan dalam tempoh tiga tahun ini (mulai 2017), mungkin lebih 60 peratus wanita di Pulau Pinang akan bekerja, tidak kira dari rumah atau di pejabat, serta terlibat dalam kegiatan ekonomi," jelasnya dalam sidang media selepas selesai majlis perasmian tersebut di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang memberitahu, Kerajaan Negeri melalui agensinya PWDC senantiasa komited untuk saling bekerjasama dengan agensi Persekutuan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menyediakan prasarana berwajib ke arah mencapai sasaran 60 peratus wanita bekerja pada tahun 2020.

"Daripada satu segi, kita mahu wanita juga bekerja, tapi pada masa sama tiada pusat jagaan kanak-kanak disediakan di tempat kerja mereka.

"Kementerian perlu memainkan peranan berwajib, supaya skim, insentif, sistem jagaan kanak-kanak yang lebih komprehensif, seperti di negara-negara maju turut boleh diwujudkan, bukan sahaja dalam jabatan dan agensi Kerajaan, juga disediakan oleh majikan swasta untuk kemudahan ibu bapa pada waktu bekerja," jelasnya.

Hampir 1,000 hadirin, kebanyakan wanita dari pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat menyertai majlis perasmian sambutan Hari Wanita tahun ini.




**TOH Puan Majimor Shariff (bertudung merah jambu) diiringi Chong Eng (barisan depan, kiri sekali) memerhatikan pemeriksaan kesihatan yang dijalankan oleh salah seorang jururawat pada Majlis Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Wanita perlu diberi peluang teraju sains & teknologi

Teks dan Gambar:
**DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang mahukan lebih ramai golongan wanita memperkasa dan melibatkan diri dalam bidang sains serta teknologi khususnya, sebagai penyumbang terhadap pembangunan negara pada masa hadapan.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata demikian ketika hadir merasmikan Bengkel Women in Zcience 2017 anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di Pusat Sains Tech Dome di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Bengkel Women in Zcience 2017 di sini baru-baru ini.**

Menurut Chong Eng, wanita harus diberi peluang secara adil untuk menerajui bidang sains serta teknologi, dan bukan hanya sekadar peningkatan jumlah penglibatan sahaja.

"Sekiranya wanita diberi peluang untuk menerajui bidang sains dan teknologi, saya percaya mereka mampu menjadi peneraju yang lebih baik, malah setanding dengan golongan lelaki, dan ini boleh direalisasikan jika wanita sesama wanita menyokong antara satu sama lain.

"Malah, perspektif daripada lelaki dan wanita adalah penting kerana ia membantu melengkapi antara satu sama lain dalam mencipta serta membuat pembaharuan dan seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak secara keseluruhannya," ucap beliau di hadapan 500 pelajar pada penganjuran bengkel tiga hari bermula 3 Mac sehingga 5 Mac lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Ong Bee Leng (Ketua Pegawai Eksekutif PWDC), Datin Rohana Weiler (Ahli Lembaga Pengarah PWDC), Dr. Khong Yoon Loong (Ketua Pegawai Eksekutif Penang Tech Centre Bhd.) dan Datuk Dr. Mazlan Othman (Pensyarah dari Universiti Kebangsaaan Malaysia, UKM).

Mengulas lanjut, Chong Eng berharap dengan adanya penganjuran sedemikian, ia dapat memberi inspirasi kepada golongan wanita untuk terus maju dan berjaya.

"(Dan) dalam masa sama, Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama menganjurkan pelbagai program bagi mencungkil potensi dan kepakaran wanita dalam bidang berkenaan," ujarnya.

Bengkel Women in Zcience 2017 diadakan bersempena sambutan Hari Wanita Sedunia yang disambut setiap tahun pada 8 Mac.

# Selamat Hari Wanita, pengorbananmu dihargai!

**TERIMA KASIH...** Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac lalu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turun padang menyampaikan kuntuman bunga teluki sebagai tanda penghargaan kepada golongan Hawa di sini.

Selain kedai kopi, pasar berdekatan Taman Reservoir dan kawasan perumahan, beliau turut mengadakan kunjungan ke Klinik Kesihatan Air Itam.

Turut sama, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Joseph Ng Soon Siang dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain.



**SAMBIL memegang kuntuman bunga teluki sumbangan Ketua Menteri, sebahagian jururawat bertugas di Klinik Kesihatan Air Itam tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama pemimpin berkaitan sempena sambutan Hari Wanita di sini baru-baru ini.**

# Utusan minta maaf atas kesilapan fakta artikel terhadap Guan Eng bertarikh 20 Ogos 2015

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Utusan Malaysia memohon maaf atas kesilapan fakta artikel terhadap Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam akhbar arus perdana berkenaan pada 20 Ogos 2015.

Wakilnya, Siti Nur Zulaikha Ibrahim yang juga Eksekutif Undang-Undang Utusan Melayu (Malaysia) Berhad yang melafazkan permohonan maaf tersebut di depan Pesuruhjaya Kehakiman Y.A. Tuan Azmi Abdullah selepas penghakiman persetujuan dicapai oleh kedua-dua belah pihak di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini pada 15 Mac 2017.

"Kami memohon maaf kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng atas kesulitan yang dialami beliau ekoran daripada kekeliruan dan kesilapan fakta di pihak kami dalam penyiaran berita asal tersebut," lafaz wakil defendan.

Selain itu, kenyataan bertulis dalam penghakiman persetujuan yang dilafazkan itu turut menyebut artikel berita 'Guan Eng tarik balik saman terhadap bekas Ketua Pemuda Umno Negeri' yang disiarkan 20 Ogos 2015 patut dibaca dengan fakta bahawa:

"Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menarik balik saman yang difailkan tiga tahun lalu terhadap bekas Ketua Pemuda Umno Negeri, Datuk Dr. Shaik Hussein Mydin setelah Shaik Hussein menarik balik tanpa sebarang syarat dan dengan penuh kerelaan hati dakwaan rasuah yang dibuat olehnya terhadap Lim Guan Eng pada 5 Oktober 2012."

Bercakap kepada pemberita, Guan Eng melahirkan rasa gembira atas keputusan penghakiman persetujuan tersebut.

"Keputusan ini membersihkan nama baik saya daripada tuduhan rasuah itu," jelas Guan Eng yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan.

Manakala peguam plaintif, Simon Murali pula memberitahu, pihak defendan akan menyiarkan keputusan penghakiman persetujuan yang dicapai kedua-dua belah pihak di dalam akhbar Utusan Malaysia secara wajar dalam tempoh tujuh hari di muka surat kedua dan bayaran pampasan dengan jumlah yang dipersetujui pihak-pihak berkaitan.

Terdahulu, Shaik Hussein pada 5 Oktober 2012 dilaporkan menuduh Guan Eng sebagai korup, dengan melakukan penipuan serta menerima rasuah daripada Pusat Pergigian Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIDC) yang dikaitkan dengan suatu projek pembangunan bercampur di atas sebidang tanah berhampiran Taman Manggis di Jalan Zainal Abidin.

Selepas Guan Eng mengfailkan saman ke atas Shaik Hussein, penghakiman persetujuan pertama dicapai kedua-dua pihak.

Namun, Shaik Hussein dalam kenyataannya kepada pemberita ketika itu menafikan bahawa beliau ada memohon maaf atas kenyataan berunsur fitnah ke atas plaintif.



SIMON Murali.

Malah, berita yang disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia ketika itu tidak mencerminkan maksud hakiki penghakiman persetujuan kedua-dua belah pihak.

Ekoran itu, Guan Eng merujuk Utusan Malaysia ke Mahkamah Tinggi, sehinggalah penghakiman persetujuan dicapai baru-baru ini.



*Dari muka 11.*

# KN tak setuju syor REHDA kurangkan siling harga hartanah berstrata pulau - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan cadangan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Pulau Pinang supaya had siling harga hartanah berstrata di bahagian pulau, yang dibenarkan untuk dijual kepada pihak warga asing dikurangkan daripada had siling RM1 juta kini kepada RM800,000, setelah memberi pertimbangan yang wajar terhadap permohonan tersebut.

Dengan kata lain, Exco Perancangan Bandar & Deaa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkan keputusan tersebut menyatakan bahawa had pembelian warga asing untuk apartment/hartanah berstrata kekal dengan harga minima RM1 juta seperti yang juga ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Bagaimanapun, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri meluluskan cadangan agar fi kelulusan yang kini wujud terhadap pembelian hartanah bagi warga asing, iaitu pada 3 peratus dikurangkan kepada 1.5 peratus, tetapi cuma untuk hartanah berstrata di bahagian pulau yang bernilai RM1 juta hingga RM1.5 juta. Hartanah berstrata melebihi RM1.5 juta masih tertakluk kepada fi kelulusan 3 peratus.

"Malahan, Kerajaan Negeri berpendapat, memandangkan kesusutan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang ketara sejak tahun lalu sehingga sekarang memberi justifikasi untuk Kerajaan Negeri meningkatkan had harga siling yang wujud. Dalam pada ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa had siling yang wujud untuk hartanah landai (*landed*) yang kini adalah pada RM2 juta di bahagian pulau dinaikkan kepada RM3 juta.

"Keputusan ini dibuat untuk melindungi kepentingan warga tempatan.

"Dalam pada itu, saya juga ingin ulangi bahawasanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan usahanya untuk memastikan pembekalan pelbagai jenis perumahan mampu milik daripada harga RM42,000 kepada RM300,000 khususnya untuk warga Pulau Pinang, yang mana setakat ini, sejumlah besar 65,796 pelbagai jenis perumahan mampu milik tersebut telah, sedang dan akan dibina di Negeri Pulau Pinang sejak kerajaan baru mengambil alih pada tahun 2008," ujarnya pada sidang media di sini 16 Mac lalu.



JAGDEEP Singh Deo.

Mengulas lanjut, Jagdeep menegaskan bahawa sejak cadangan tersebut dibangkitkan, iaitu cadangan pengurangan had siling harga hartanah berstrata di bahagian pulau dan cadangan pengurangan fi kelulusan, semua pihak yang berkepentingan dan Kerajaan Negeri langsung tidak menyebut sebarang cadangan berhubung pengurangan had siling tersebut terhadap hartanah industri. Ia adalah cuma terhadap hartanah berstrata di bahagian pulau dan terhadap isu pengurangan fi kelulusan.

"Saya juga ingin menegaskan bahawasanya kepada semua, isu diskaun diberikan kepada warga asing untuk hartanah industri, kediaman atau komersial seperti mana dilaporkan di dalam akhbar Utusan Malaysia langsung tidak timbul dan tidak berasas sama sekali.

"Adalah jelas sama sekali bahawa laporan kononnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin memberi diskaun kepada warga asing dan oleh yang demikian mengabaikan kepentingan rakyat tempatan adalah tidak tepat sama sekali dan adalah satu fitnah yang serius terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang," tegas beliau.

## Sambut ulang tahun ke-25, harap Popular terus berkembang selari revolusi perindustrian keempat

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyempurnakan perasmian majlis sambutan ulang tahun ke-25 gedung buku Popular di perkarangan lobi Komtar di sini.

Ketika berucap, Guan Eng percaya Popular akan terus berkembang maju selari dengan kemajuan revolusi perindustrian keempat kini dengan memasarkan lebih banyak buku digital kelak.

"Membaca ini yang paling penting, selagi mahu membaca, itu yang lebih penting.

"Saya percaya Popular juga akan menawarkan buku-buku berasaskan digital, sama ada digital moden atau digital tradisional," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan 17 Mac lalu.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Popular Holdings Limited, Chou Cheng Ngok.

Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Pengurus Besar Tourism Malaysia, Datuk Seri Mirza Mohammad Taiyab dan Pengarah Eksekutif Popular Malaysia, Lim Lee Ngoh turut sertai majlis tersebut.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri menyedari perkembangan teknologi begitu pesat hatta sanggup mengumpul pelaburan kira-kira RM3 juta membabitkan beberapa pihak untuk menubuhkan perpustakaan digital pertama negara, *Penang Digital Library* dekat *Penang Free School*.

Serentak dengan majlis sambutan tersebut, Guan Eng bersama-sama tetamu kehormat lain menyempurnakan majlis peluncuran buku '101 Resepi Makan Pulau Pinang' karya Chef Hussin Khan.



CHEF Hussin Khan menunjukkan buku '101 Resipi Destinasi Makan Popular Pulau Pinang' yang dilancarkan bersempena majlis sambutan ulang tahun ke-25 gedung buku Popular di sini baru-baru ini.




# Penutup lurang wajar diselenggara secara berjadual - ADUN

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PENGKALAN KOTA –** Penutup lurang (penutup pembentungan dan saliran) wajar diselenggarakan secara berjadual bagi menjaga keselamatan khususnya pejalan kaki di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee berkata demikian pada sidang media di perkarangan Pusat Khidmatnya di Lebuh Macallum baru-baru ini.

Menurut Keng Ee, terdahulu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memperuntukkan RM7,500 bagi kerja-kerja mengganti dan membaiki penutup lurang yang reput, rosak dan usang.

"Kerja-kerja pembaikan ini siap pada 3 Mac lalu, iaitu lima hari lebih awal daripada tempoh yang dijadualkan siap, 9 Mac 2017.

"Sebanyak 30 penutup lurang telah ditukar sepanjang laluan perparitan di hadapan Pusat Khidmat ADUN Pengkalan Kota ini," jelasnya yang memuji komitmen MBPP berkaitan di sini.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng; Penolong Jurutera MBPP, Nor Asmira Md. Dalil; Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, Sheik Osman Sinthamadar dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) Lebuh Macallum, Lim Poh Aun.

Dalam perkembangan sama, Keng Ee turut menepis dakwaan bahawa terjadinya insiden seorang penduduk di Gat Lebuh Macallum yang terjatuh ke dalam longkang.

"Insiden itu bukannya di sini (Gat Lebuh Macallum), tetapi di kawasan Pasar Prangin," jelas beliau.



**PENUTUP-penutup lurang yang telah ditukar.**



**LAU Keng Ee (kanan sekali) memerhatikan Wong Yuee Harng yang sedang menunjukkan penutup lurang yang telah ditukar di Gat Lebuh Macallum di sini baru-baru ini.**

## Pembinaan gelanggang sepak takraw bantu lahir pelapis berbakat

**BATU UBAN –** Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan berharap Kerajaan Negeri dapat membina gelanggang sepak takraw di negeri ini sebagai galakan kepada golongan belia untuk menceburi bidang sukan tersebut.

Menurut beliau, inisiatif itu juga adalah seiring dengan usaha untuk melahirkan lebih ramai pelapis pada masa hadapan.

"Diharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan ini dan dengan adanya gelanggang ini, penganjuran kejohanan sepak takraw dapat dijalankan dari semasa ke semasa demi pembangunannya pada masa depan," ujarnya pada Kejohanan Terbuka Sepak Takraw Ahli Majlis MBPP 2017 anjurannya di Kompleks Sukan & Belia Batu Uban di sini 5 Mac lalu.

Hadir menyempurnakan majlis perasmian, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Penganjuran julung kali berkaitan menerima penyertaan memberangsangkan apabila sebanyak 60 pasukan dari dalam dan luar negeri termasuk Terengganu, Selangor dan Perlis berentap untuk merebut gelaran.

Pasukan *Fly Boy's* diumumkan sebagai juara sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 beserta piala pusingan dan medal.

Naib johan menjadi milik pasukan ISTC dengan hadiah wang tunai RM1,000 beserta medal, manakala tempat ketiga (Batu Uban & Warisan AZ, RM500 dan medal).



**A. Kumaresan (dua dari kanan) ditemani Ahli Majlis MBPP, Shahrudin Mohamed Shariff (tiga dari kanan) menyampaikan piala pusingan kepada pasukan *Fly Boy's* selepas dinobatkan sebagai juara Kejohanan Terbuka Sepak Takraw Ahli Majlis MBPP 2017 di sini baru-baru ini.**

## Status kegunaan kediaman, peniaga disaran segerakan pertukaran



**ONG Ah Teong (tengah), Nur Syazwani Md Amin (kiri sekali ) dan Tan Chiew Choon menunjukkan dokumen-dokumen berkait status kegunaan kediaman pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**PADANG KOTA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini dalam proses melaksanakan pemutihan terhadap 800 peniaga yang belum menukar status kegunaan kediaman kepada (status) komersial.

Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong berkata, proses pemutihan tersebut akan melayakkan seseorang pemohon memperoleh lesen sementara sehingga 31 Disember 2017.

"Kini, MBPP giat menghantar surat kepada 800 pemilik lot-lot ini untuk tampil mengisi borang tukar status guna tersebut. Malah, mereka juga boleh datang sendiri ke Pejabat Perancangan Pembangunan MBPP di Tingkat 16, Komtar bagi memudahkan pelaksanaan proses berkaitan.

"Lesen sementara bagi proses pemutihan yang ditawarkan adalah sebanyak RM1,200 (setahun) berbanding kos lesen biasa RM100 hingga RM240 ke atas, bergantung kepada jenis perniagaan," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Nur Syazwani Md Amin dan Tan Chiew Choon.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu, berniaga tanpa lesen merupakan satu kesalahan yang boleh dikompaun sebanyak RM250 secara harian, mingguan atau bulanan.

"Namun, MBPP hanya mengkompaun secara bulanan sahaja kepada mereka yang masih ingkar," jelasnya.

# Penyelenggaraan perumahan awam terus jadi keutamaan KN




PATAHIYAH Ismail ditemani Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri) memberi penjelasan kepada beberapa penduduk Taman Free School berhubung kerja-kerja naik taraf yang bakal dijalankan di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberi jaminan bahawa projek-projek penyelenggaraan perumahan awam di negeri ini akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri.

Katanya, **sejak 2010 hingga 2016, sebanyak RMM27.8 juta diperuntukan kepada projek-projek berkaitan khususnya dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.**

**"Seperti yang saya selalu katakan, adalah menjadi keutamaan Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah mampu milik (RMM) untuk warga Pulau Pinang.**

**"Tapi apa yang lebih penting, setelah rumah-rumah ini dibekalkan, tanggungjawab terletak di bahu kita (Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan, PBT) untuk menyelenggara bangunan-bangunan ini.**

**"Ia sememangnya menjadi komitmen kita dan sebagai Exco bertanggungjawab, saya akan terus pastikan kerja-kerja penyelenggaran ini diteruskan pada masa hadapan,"** ujarnya pada Majlis Pengumuman Kerja-kerja Menaik Taraf Blok L, M dan N Taman Free School di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Menurut Jagdeep, terdapat dua skim perumahan di Taman Free School yang terdiri daripada 1,124 unit keseluruhannya, yang mana 652 unit adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perumahan Negeri yang telah dijual melalui skim sewa-beli, manakala seliaan MBPP (472).

"Di taman ini khususnya, sejak 2010 hingga 2016, beberapa kerja penyelenggaraan telah dilakukan terhadap unit-unit (Jabatan Perumahan Negeri) ini seperti kerja-kerja am, elektrik dan mekanikal membabitkan jumlah kos RM3.08 juta," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Patahiyah dalam ucapannya turut mengumumkan bahawa bagi tahun ini, sejumlah RM1.45 juta diperuntukan untuk menaik taraf kemudahan tandas dan kemasan jubin di tiga blok L, M dan N taman tersebut.

"Sejak 2015 hingga kini (2017), MBPP telah membelanjakan sebanyak RM1.23 juta merangkumi kerja naik taraf dan penyelenggaraan di blok-blok ini.

"Manakala tahun ini, MBPP melalui bajetnya turut meluluskan sejumlah RM1.45 juta tambahan, selain daripada RM535,000 sebelum ini bagi pelaksanaan kerja-kerja mengecat semula bahagian luar ketiga-tiga blok ini," jelasnya.



SALAH sebuah blok perumahan Taman Free School yang bakal dinaik taraf.



# Tajaan tonton Adiwiraku, sokongan kepada industri filem tempatan

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TAJAAN KHAS...** Seramai 109 umum hadir menyaksikan tayangan filem Adiwiraku hasil tajaan khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin di Sunway Carnival Mall baru-baru ini.

Afif ketika ditemui berkata, program seumpama itu sentiasa dianjurkan oleh pejabat pusat khidmat beliau dengan kerjasama *Golden Screen Cinema Sunway Carnival (GSC)* dan tayangan filem Adiwiraku merupakan filem ketiga yang ditajanya.

"Filem-filem yang dipilih mempunyai mesej yang sangat baik untuk disampaikan kepada masyarakat dan adalah diharap nilai-nilai tersebut dapat dipraktikkan di dalam kehidupan seharian kita.

"Di samping itu, inisiatif ini juga adalah salah satu usaha untuk menyokong industri filem tempatan," jelasnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Turut hadir, Pengarah Filem Adiwiraku, Eric Chong serta dua pelakon utama, Wan Azlyn dan Farra Safwan.

Filem terbitan Sol Pictures Sdn. Bhd. berkenaan merupakan adaptasi daripada kisah benar tentang perjuangan dan kejayaan dua guru Bahasa Inggeris dalam mendidik pelajar di sebuah sekolah luar bandar di Kedah.

Ia mengisahkan kehidupan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pinang Tunggal, Sungai Petani yang berusaha untuk menyertai pertandingan *choral speaking* walaupun mengetahui peluang untuk menang adalah terlalu tipis.




**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama barisan pelakon dan Eric Chong (dua dari kiri) pada sesi tayangan filem Adiwiraku anjuran pejabat pusat khidmat beliau di sini baru-baru ini.**

## Semarakkan keharmonian penduduk desa, tolak fahaman asabiyah - ADUN

**SEBERANG JAYA –** Lebih 200 penduduk Kampung Taman Baru menyertai penganjuran Program Permatang Pauh Sihat bersama-sama Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin di sini baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita, Afif mahu program seumpama itu dilaksanakan pada semua peringkat kampung dan desa demi menyemarakkan keharmonian komuniti, di samping menolak fahaman politik asabiyah yang ditiup oleh pihak pembangkang Pulau Pinang.

"Dengan adanya program sebegini, ia dapat melahirkan masyarakat yang sihat.

"Sesungguhnya (Program Permatang Pauh Sihat) ini merupakan platform terbaik untuk mendekatkan hubungan dengan pemimpin," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada majlis berkaitan.

Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin serta ADUN Taman Medan, Haniza Mohamed Talha turut sertai acara komuniti tersebut.

Senam robik, pemeriksaan kesihatan secara percuma, pertandingan mewarna kanak-kanak dan latihan asas pertolongan cemas merupakan antara acara menarik sepanjang berlangsungnya program tersebut.

Dalam perkembangan lain, Afif turut menggesa semua pihak supaya menganjurkan program kesedaran serta amalan membersihkan kawasan halaman kediaman masing-masing untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes.



**SEBAHAGIAN peserta dan wakil-wakil penduduk sedang membersihkan kawasan perumahan bersempena penganjuran Program Permatang Pauh Sihat di sini baru-baru ini.**

## 100 motosikal dapat servis percuma minyak pelincir



**ABDUL Malik Abul Kassim turun padang memberikan servis tukar minyak pelincir percuma di Kawasan Dewan Undangan Negerinya di sini baru-baru ini.**

**SERVIS PERCUMA...** Seramai 100 penunggang motosikal sekitar kawasan Bukit Gedung menikmati servis tukar minyak pelincir percuma hasil kemurahan hati wakil rakyatnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, inisiatif servis percuma tukar minyak pelincir itu dikhaskan kepada penunggang motosikal di bawah 250cc.

Menurut beliau, program tersebut bertujuan membantu golongan penunggang motosikal dengan meringankan sedikit beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Tambahan pula, motosikal merupakan medium pengangkutan utama rakyat marhaen di kawasan ini yang rata-ratanya bekerja di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini baru-baru ini.

Pemberian servis percuma minyak pelincir tersebut turut mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Gedung dan belia di kawasan Bukit Gedung.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti sesi Mesra Anak Muda serta cabutan bertuah.

# Dewan serba guna Kampung Baru Alma bakal dilengkapi gelanggang badminton - ADUN



CHONG Eng (kanan sekali) bersama-sama Joshua Woo Sze Zeng (kiri sekali) memantau struktur titi dekat Kampung Baru Alma di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**PADANG LALANG –** Komuniti Kampung Baru Alma menyambut baik usaha Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng untuk mendirikan dewan serba guna seawal tahun hadapan.

Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang berkata, beliau juga menerima maklum balas daripada penduduk bahawa perlunya mewujudkan sebuah gelanggang badminton bersebelahan dewan serba guna yang dicadangkan.

"Projek mendirikan dewan serba guna ini sepatutnya dimulakan pada 2017, akan tetapi, penduduk kawasan Kampung Baru Alma memohon supaya dewan rakyat tersebut didirikan juga dengan gelanggang badminton.

"Justeru, pelan perlu diubah suai untuk kelulusan semula Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan peruntukan perlu dimohon sekali lagi kerana kos pembinaan kedua-duanya adalah berbeza," jelasnya ketika turun padang melawat Kampung Baru Alma di sini baru-baru ini.

Pada lawatan tersebut, Chong Eng turut mengetengahkan bahawa beberapa infrastruktur di kampung berkaitan yang perlu dinaik taraf, antaranya jalan perlu diturap semula, menaik taraf tebing sungai bagi mengurangkan risiko banjir serta membaiki struktur titi di sini.

Kesempatan sama turut digunakan beliau untuk menyampaikan bantuan kerusi roda kepada salah seorang pesakit diabetes dekat sini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MPSP, Joshua Woo Sze Zeng, Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Baru Alma dan kakitangan-kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.




# Lebih 10,000 sertai larian Saya ♥ Pulau Pinang tunjuk hak bersuara, demi rasa cinta kepada Pulau Pinang

**GEORGE TOWN -** Lebih 10,000 berdaftar menyertai Larian, sejauh 6 kilometer (km) pada awal pagi 12 Mac lalu sebagai tanda bantahan pada hasrat seorang menteri yang mahu menjadikan negeri ini sebuah wilayah persekutuan baharu.

Menjelang jam 7 pagi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama-sama barisan kepemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang yang lain mendapat sorakan daripada hadirin pelbagai kaum di sini.

"Pada pagi ini bukan sekadar larian ria yang santai, malah untuk menunjukkan hak bersuara rakyat Malaysia bagi mempertahankan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri, rasa cinta pada negeri Pulau Pinang dan tanah air Malaysia.

"Walaupun kurang sebulan, larian ini menerima penyertaan lebih 10,000 orang, maka kita akan menganjurkan satu lagi larian ria '*I* ♥ *Penang*' di Butterworth pada 9 April nanti," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Hadir sama, semua Exco Kerajaan Negeri serta barisan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Menurut penganjur, peserta termuda berdaftar adalah seusia 7 tahun dan yang paling tua, 77 tahun.

Pelepasan sebanyak tiga peringkat disempurnakan oleh Guan Eng, mulai jam 7.25 pagi, 7.30 pagi dan 7.40 pagi.

"*I* ♥ *Penang*!" laung peserta di sini, lengkap berpakaian baju t putih tertera mesej '*I* ♥ *Penang*' dan tema '*Wow! Penang is Hot*'.




**KETUA Menteri, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menyertai Larian "Saya ♥ Pulau Pinang" di sini baru-baru ini.**




**AKSI Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (kanan sekali) dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng (dua dari kiri) pada penganjuran berkaitan.**



**AKSI salah seorang peserta yang tidak melepaskan peluang bergambar di salah sebuah lokasi pelancongan terkemuka, Jeti Tan.**




**'*Wow! Penang is Hot*' yang tertera pada kemeja -T para peserta.**



**SEBAHAGIAN peserta membanjiri lokasi penganjuran pada awal pagi.**